

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
[JEMPOL]**

SOALAN

DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pendirian terhadap budaya 'troll' di media sosial yang berunsurkan penghinaan, hasutan dan fitnah serta kesannya terhadap nilai moral masyarakat di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkongsian, perbincangan, komentar, kritikan, maklum balas dan pendapat pihak tertentu berhubung situasi, kejadian, perkara atau isu semasa adalah sebahagian daripada hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Pihak Kerajaan komited dalam mendukung hak tersebut bagi memastikan setiap rakyat Malaysia menikmati kebebasan asasi mereka.
2. Kebebasan untuk membincangkan perkara-perkara atau berita secara terbuka dan telus di media sosial perlu dikekalkan tetapi ianya harus dibuat dengan cara yang berhemah dan tidak mencetuskan sebarang masalah sosial ataupun menjejaskan keselamatan negara.
3. Pihak Kerajaan juga mahu mengingatkan rakyat Malaysia supaya bertindak matang dengan tidak memuat naik sebarang mesej dan kandungan yang boleh mengganggu gugat ketenteraman dan keharmonian awam.
4. Kementerian dengan kerjasama pihak polis tidak akan berkompromi dan sentiasa komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menggugat keselamatan, kestabilan dan keharmonian negara di media sosial. Ini termasuk juga kepada perkara yang menjurus kepada polemik perkauman, agama dan Institusi Beraja.
5. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) boleh mengambil tindakan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM98) terhadap individu yang menyalahgunakan internet atau perkhidmatan aplikasi termasuk media sosial, media elektronik sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya. Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

6. Tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak SKMM adalah berasaskan aduan daripada masyarakat awam serta pihak yang terkesan, dan berlandaskan lunas-lunas perundangan sedia ada, tanpa mengira perbezaan pihak mahupun latar belakang politik, dalam melindungi hak pengguna dan kepentingan masyarakat.

7. Undang-undang relevan yang lain juga akan terpakai mengikut fakta kes yang disiasat, dan juga tertakluk kepada kesalahan-kesalahan lain di bawah bidang kuasa agensi penguatkuasaan yang berkenaan, seperti PDRM.

8. Antara tahun 2018 sehingga September 2020, sejumlah **468** kes telah disiasat di bawah Seksyen 233, AKM 98 oleh pihak SKMM berhubung penyalahgunaan media sosial secara keseluruhan, dan **20** daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah. Usaha yang dijalankan SKMM ini akan diteruskan selaras laporan dan aduan awam yang diterima.

9. Walau bagaimanapun, pendekatan advokasi dan kesedaran isu ini juga adalah tanggungjawab bersama yang harus dipikul oleh semua pihak. SKMM akan terus melakukan kolaborasi bersama Kementerian dan agensi-agensi lain dalam bersama-sama memberikan kesedaran kepada umum berkenaan bahaya penularan dan penyebaran kandungan-kandungan sebegini, yang boleh membawa kepada gangguan terhadap keselamatan dan keharmonian negara.